

## **INOVASI BERI MANFAAT KEPADA MASYARAKAT**

**KUANTAN, 2 JULAI 2024:** Penganjuran Hari Penyelidikan dan Inovasi IIUM (IRID 2024) merupakan sebahagian daripada usaha untuk memajukan penyelidikan dan inovasi demi manfaat masyarakat serta pembangunan negeri.

Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, YB Dato' Mohamad Nizar Dato' Sri Mohamad Najib berkata, penyelidikan dan inovasi adalah tulang belakang pembangunan ekonomi negara.

"Pameran hari ini membawa bersama pemikiran terbaik dalam pelbagai bidang penyelidikan untuk berinteraksi dan belajar demi kebaikan kita dan generasi akan datang.

"Salah satu penglibatan UIAM bagi komuniti setempat dapat dilihat melalui projek penyelidikan yang ditransformasikan kepada program 'Anok Aokmer Sehat ke Weh?' dengan gabungan kerjasama NGO Negeri Pahang, Yayasan Pahang, dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) kepada kanak-kanak.

"Program ini wajar diteruskan kerana hasil daripada penyelidikan ini memberikan manfaat semula kepada masyarakat setempat," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian IRID 2024 di UIAM Kuantan.

Turut hadir ialah Pengerusi IRID 2024, Prof. Dr. Nazri Mohd Yusof, Timbalan Pengarah Kampus, (Perkhidmatan Sokongan Akademik) Prof. Dr. Samsul Draman, Jawatankuasa Pengurusan Universiti, pegawai kanan dan kakitangan.

IRID 2024 bertemakan Memimpin Budaya Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi: Memacu Tinggi dalam Kecemerlangan Penyelidikan bertujuan menonjolkan penyelidik cemerlang dan hasil penyelidikan mereka, memupuk kerjasama antara penyelidik, dan menginspirasi budaya penyelidikan di kalangan kakitangan akademik dan pelajar di seluruh Malaysia.

Dalam pada itu, beliau berkata, kehadiran penyelidik dari seluruh universiti untuk perkongsian ilmu, pengalaman, dan idea dapat memberi impak positif di peringkat nasional dan global.

"Usaha kolaboratif IRID antara Pusat Pengurusan Penyelidikan, IIUM Kuantan dan Pejabat Pemindahan Teknologi, IIUM diharapkan dapat mengenal pasti penyelidik, institusi dan hasil penyelidikan yang cemerlang untuk meningkatkan impak penyelidikan dengan merapatkan jurang antara akademia dan industri, selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan pelaburan berdaya tinggi dan bernilai tinggi di bawah strategi pembangunan negara," katanya. – PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh: Nurul Amylea Maisarah Abdul Halim

Foto: Nurin Nadhirah Mohammad Haisam

(LIPUTAN BERGAMBAR)

